

08/10/1997

Pengurus tabung mata wang cabar Malaysia, IMF

LONDON, Selasa - Pengurus tabung mata wang Barat mencabar Malaysia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) membuktikan kesalahan mereka sebagai punca masalah mata wang Asia Tenggara.

Pengurus mata wang Barat itu juga yakin penyiasat IMF tidak akan dapat membuktikan kesalahan mereka dalam krisis berkenaan.

IMF semalam menyatakan, ia merancang memeriksa fungsi tabung mata wang dalam satu laporan mengenai penurunan nilai mata wang dan saham Asia Tenggara.

Laporan itu akan dihasilkan mengikut tempoh yang dijadualkan, kata pegawai IMF.

Bagaimanapun, Martin Walton, seorang pengurus tabung mata wang di firma Gottex Financial, berkata cubaan mengesan wang tabung berkenaan sebanyak AS\$100 bilion (RM330 bilion) dalam pasaran mata wang seluruh dunia tidak akan berjaya.

"IMF tidak akan mendapat maklumat tepat daripada apa yang sudah disuarakan."

"Urusan banyak dilakukan tanpa pengawasan bank pusat, di antara pengurus tabungan dan sektor korporat serta tabung pencen atau dengan pihak ketiga di Hong Kong," kata Walton.

Ulasannya menunjukkan pengurus tabung mata wang menyedari pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan masalah ringgit dan saham berpunca daripada spekulator dan penyangak antarabangsa.

Bagaimanapun, kata seorang lagi pakar mata wang, usaha mengesan fungsi sebenar pengurus mata wang sukar ditetapkan kerana meskipun IMF dapat memeriksa rekod bank pusat, berusaha memisahkan urusan niaga tanpa invois atau keperluan komersil, data yang didapati tidak menjelaskan masalah kerana urusan niaga membabitkan unsur pengantara. - Reuter

(END)